

Merdeka bukan tiket buat sesuka hati langgar tatasusila



PULAU PINANG 18 Sept. - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (**gambar**) mengingatkan rakyat supaya tidak menjadikan kemerdekaan negara sebagai tiket untuk bertindak bebas sehingga melanggar tatasusila.

Titah baginda, kemerdekaan sebenarnya memberi ruang kepada rakyat untuk berfikir secara rasional dan membuat keputusan terbaik yang akan membawa negara ke mercu kegemilangan.

"Segala perbezaan yang wujud seperti kaum dan agama pula tidak wajar menjadi sebab untuk kita tidak melakukan tanggungjawab dan amanah secara bersama.

"Beta berharap agar kita tidak mudah terpesong dan mementingkan diri sendiri serta bersikap kebendaan semata-mata," titah baginda ketika merasmikan Ekspo



OMAR Osman (kanan) membetulkan jubah salah seorang graduan, Azlan Shah Abdul Jalil sambil diperhatikan beberapa siswazah lain pada majlis Ekspo Konvokesyen Ke-45 Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/ISMAL KAMADIN
un19.9.121711A | Perlis

Konvokesyen Ke-45 Universiti Sains Malaysia di sini hari ini.

Turut hadir Raja Perempuan Perlis, Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Pengurus Lembaga Gabenor USM, Tan Sri Dr. Zulkefli A. Hassan

dan Naib Canselor USM, Profesor Datuk Omar Osman.

Baginda yang juga Canselor USM bertitah, jika semua faktor itu diambil kira, negara akan lebih disegani.

Dalam pada itu, baginda turut me-

nasihati golongan muda supaya bijak berkomunikasi dan saling menghor-mati di antara satu sama lain.

"Janganlah sia-siakan peluang yang telah diberikan dan jika kita menghargai kepelbagaiannya yang ada,

maka tidak sukar untuk pertahan-kan apa yang telah dimiliki.

"Kerjasama adalah kunci kepada kejayaan kerana tidak mungkin kita dapat hidup secara bersendirian," titah baginda.